

ANALISIS HUBUNGAN DI ANTARA
PENGGUNAAN TENAGA, PERTUMBUHAN
EKONOMI DAN PEMBEBASAN KARBON
DIOKSIDA DI MALAYSIA

NOR AKTANORA BINTI KASIM

FAKULTA PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012

CPM. 9025

1100089301



LP 39 FPE 1 2012



1100089301

Analisis hubungan di antara penggunaan tenaga, pertumbuhan ekonomi dan pembebasan karbon dioksida di Malaysia / Nor Akmanira Kasmi.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089301		

Lihat Sebelah

**ANALISIS HUBUNGAN DI ANTARA PENGGUNAAN TENAGA,
PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEMBEBASAN KARBON DIOKSIDA DI
MALAYSIA**

NOR AKMANIRA BINTI KASMI

SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

JABATAN EKONOMI

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI


UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO 4999) ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya.

14 JUN 2012




.....

NOR AKMANIRA BINTI KASMI
UK 21273

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (ECO 4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

14 JUNE 2012



.....

NOR AKMANIRA BINTI KASMI
UK 21273

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w, kerana dengan izin-Nya dapat juga saya menyiapkan kajian bagi projek ilmiah tahun akhir ini dengan sempurna.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Dr. Azlina Binti Abd. Aziz selaku penyelia dan pensyarah dalam projek saya ini. Bimbingan serta tunjuk ajar darinya telah memudahkan saya dalam menyiapkan kajian ini. Insya-Allah, segala tunjuk ajar yang telah diberikan akan digunakan pada masa hadapan.

Tidak dilupakan, kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Kasmi Bin Mat Nasir dan Puan Meriam Binti Daud, adik beradik serta keluarga yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan agar saya tidak berputus asa dengan segala cabaran selama menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang telah membantu serta memberikan tunjuk ajar kepada saya ketika saya kebuntuan. Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek Sarjana Muda ini.

Sekian, terima kasih.

NOR AKMANIRA BINTI KASMI

JABATAN EKONOMI

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

nr_arinamka@yahoo.com

ABSTRAK

Setelah lebih 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, jelas kini ekonomi dan persekitaran Malaysia telah banyak berubah dengan kepesatan pembangunan yang berlaku, sejajar dengan dunia yang semakin canggih dan moden. Pembangunan yang pesat antara tanda Malaysia kini lebih maju berbanding 50 tahun dahulu. Ekonomi Malaysia juga semakin baik dari tahun ke tahun walaupun pernah berdepan dengan kemelesetan ekonomi yang teruk seperti pada tahun 1997. Pelbagai sektor ekonomi telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan antara penyumbang terbesar ekonomi Malaysia adalah sektor tenaga. Malaysia memiliki sumber asli iaitu petroleum yang merupakan salah satu penyumbang kepada pendapatan negara. Tetapi, dengan pembangunan dan pengeksploitasian sumber-sumber tenaga yang ada, Malaysia juga telah berdepan dengan pencemaran alam sekitar. Ekoran daripada itu, kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan yang wujud di antara penggunaan tenaga, pertumbuhan ekonomi dan pembebasan karbon dioksida di Malaysia. Kajian ini menggunakan data siri masa dari tahun 1970 hingga tahun 2010 iaitu merangkumi tempoh masa 41 tahun. Kajian ini menggunakan pendekatan ekonometrik yang terdiri daripada ujian kepegunan, ujian kointegrasi dan ujian model pembedahan ralat (VECM). Ujian penyebab-akibat dilakukan dalam melihat arah hubungan yang wujud di antara pemboleh ubah. Dapatan kajian mendapati bahawa wujud satu hubungan jangka panjang di antara kesemua pemboleh ubah. Bagi jangka masa pendek, penggunaan tenaga dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi dan pembebasan karbon dioksida di Malaysia. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi dasar yang penting kepada negara. Agak mustahil bagi pihak kerajaan mengambil langkah mengurangkan kadar pertumbuhan negara bagi memastikan penggunaan tenaga tidak berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, sebagai alternatif bagi memastikan pertumbuhan ekonomi sentiasa mengalami peningkatan yang stabil, kerajaan perlu meningkatkan lagi penggunaan sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Ini kerana, sumber-sumber yang boleh diperbaharui ini sekaligus akan mengurangkan kesan yang negatif kepada alam sekitar. Oleh itu, pencemaran alam sekitar dapat diminimumkan dan pada masa yang sama, tenaga digunakan secara lebih mampan.

ANALYSIS OF THE RELATIONSHIP BETWEEN ENERGY CONSUMPTION, ECONOMIC GROWTH AND CARBON DIOXIDE EMISSIONS IN MALAYSIA

ABSTRACT

After more than 50 years of independence, the economy and environment of Malaysia have changed in accordance with the rapid development taking place, parallel with the modern world. The rapid development is one of the signs that Malaysia is more advanced than 50 years ago. Malaysia's economic is getting better from year to year, although we had faced severe recession such as in year of 1997. Various economic sectors have been identified as the main contributor to economic growth and one of the most important sectors is the energy sector. Malaysia has been endowed with valuable natural resource that is petroleum which has contributed to the national income. However with the development and exploitation of energy sources, Malaysia has been facing a pollution problem. Consequently, this study is to analyze relationship among energy consumption, economic growth and carbon dioxide emissions in Malaysia. This study used time series data from 1970 to 2010 which covers the 41 years period. This study applied econometric approach that consisted of unit root test, co integration test and vector error correction model (VECM). Causality test was also conducted to view the relationship that exists among the variables. The results showed that there is a long run relationship among all the variables. For the short run, energy consumption is influenced by economic growth and carbon dioxide emissions in Malaysia. The findings of this study have important policy implications to our country. It is impossible for Malaysia to reduce its economic growth just to ensure the energy consumption is not too high. As an alternative, in order to make sure that economic growth always in a good situation, the government of Malaysia should increase the consumption of renewable energy resources. This is because renewable resources can reduce negative effects on environment. By doing so, it is hope that the pollutant problem could be minimized and at the same time, energy resources can be used in a sustain manner.